

Pilih gabungan parti yang lebih besar - Muhyiddin

mls: 3

UM - 25/9/2020

Oleh ZULKIFLI JALIL
dan HADI AB. MANAP
utusannews@mediamulia.com.my

BELURAN: Tan Sri Muhyiddin Yassin menyeru rakyat Sabah memilih gabungan parti yang lebih besar untuk diberikan kemenangan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) esok.

Perdana Menteri berkata, memilih Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang dianggotai Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) adalah selaras dengan saranan Islam iaitu mengutamakan jemaah yang lebih besar.

“Saya pakai topi ini nak beritahu saya PN, yang pakai baju-baju biru itu PN. Calon kita juga PN. (Datuk Seri Dr.) Ronald Kinandee pun PN. Yang tidak pakai baju biru pun semuanya PN, BN. Apa salahnya? Ini gabungan parti yang lebih besar.

“Kalau dalam Islam pun kata, ikut jemaah yang lebih besar.

“Kita lebih besar daripada Warisan (Parti Warisan Sabah),” katanya ketika berucap dalam Majlis Bersama Rakyat di Data-



MUHYIDDIN Yassin (tiga dari kiri) bersama pemimpin dan penyokong parti dalam majlis bersama rakyat di Dataran Majlis Daerah Beluran, Sabah, semalam.

ran Majlis Daerah Beluran di sini semalam.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut memberi jaminan beliau tidak akan sesekali menzalimi rakyat Sabah seandainya gabungan Warisan Plus yang diketuai Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal terus mentadbir negeri berkenaan.

Meskipun begitu, Muhyiddin menegaskan, rakyat Sabah akan

lebih terbela sekiranya kerajaan negeri yang bakal terbentuk selepas 26 hari bulan nanti mempunyai muafakat politik dengan kerajaan PN yang dipimpin beliau.

“Sewajarnya dalam keadaan yang amat luar biasa dan sukar ini gabungan kekuatan kerajaan Persekutuan yang saya pimpin, kalaulah negeri ini sama-sama sehaluan dan sekapal, sehati dan

sejiwa dengan saya, pastinya rakyat Sabah akan lebih terbela. Itu mantik dan logiknya.

“Bukan bermakna kalau Sabah di bawah pembangkang saya tidak bantu. Itu zalim namanya. Saya bantu setakat yang wajib saya bantu. Yang sunat dan harus saya tak payah bantu. Tapi saya tidak mahu menzalimi rakyat kita. Mereka susah,” katanya.